

## Memelihara Hadis Rasulullah

Daripada Ibn Mas'ud RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَضَرَ اللَّهُ أُمَّرَاءَ سَمِعَ مَقَالَتِي فَحَفِظَهَا وَوَعَاَهَا وَأَدَّأَهَا فَرُبَّ حَامِلٍ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ.

**Maksudnya:** "Semoga Allah memberi cahaya kepada siapa yang mendengar ucapanku kemudian menghafaz, memelihara dan menunaikannya. Boleh jadi pembawa fiqh menyampaikan kepada siapa yang lebih faqih daripadanya."

Riwayat al-Syafie, al-Baihaqi, Abu Daud dan al-Tirmizi.  
Imam al-Tirmizi berkata hadis ini adalah hadis hasan sahih.

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Al-Allamah al-Qastalani berkata: Makna hadis di atas ialah Allah mengkhususkannya dengan cahaya dan kegembiraan kerana ia bersungguh-sungguh dalam mencemerlangkan ilmu dan mentajdidkan sunnah. Lantaran itu, Nabi SAW menyebutnya dalam doa mengikut munasabah keadaannya dari muamalah.
2. Begitu juga dinyatakan dalam mukadimah *Syarah al-Bukhari* katanya: Tiada syak lagi bahawa menunaikan sunnah dan menyampaikannya pada umat Islam merupakan nasihat bagi mereka daripada jawatan Nabi-nabi. Siapa yang melaksanakan itu, maka jadilah ia sebagai khalifah bagi siapa yang disampaikan daripadanya.

1. Hadis di atas menunjukkan betapa mulianya mereka yang mempelajari ilmu hadis, memahami, mengamalkannya dan seterusnya menyampaikannya kepada umat sekalipun kadang-kadang sasaran yang disampaikan itu jauh lebih alim dan faqih. Inilah kelebihan menyampaikan hadis Rasulullah SAW sehingga diberi cahaya oleh Allah sepertimana dalam doa Nabi.
2. Al-Hafiz al-Zurqani berkata: Dikhususkan di sini iaitu ulama hadis kerana merekalah yang membawa sunnah Nabi SAW.
3. Seterusnya di sini penulis menghuraikan berkenaan dengan sunnah seperti kata Syekh Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya *Pengenalan Syariah Islamiyah: Fiqh dan Sumber-sumbernya*.
4. Sunnah dalam istilah syarak ialah semua yang bersumber daripada Rasulullah SAW berupa perkataan, perbuatan atau takrir (pengakuan). Contoh Sunnah berupa perkataan (*Qauliyah*):
  - “Tidak ada mudarat dan tidak boleh dimudaratkan.
  - “Binatang gembala terkena zakat”, perkataannya mengenai laut.
  - “Bersih airnya, halal bangkainya” dan yang seumpamanya.
5. Contoh sunnah berupa *fi'liyyah* iaitu perbuatan-perbuatan yang berasal daripadanya seperti pelaksanaan solat dalam bentuk tertentu, pelaksanaan haji, pengadilan dengan seorang saksi dan sumpah pendakwa dan sebagainya.
6. Contoh sunnah taqririyah: Hadis yang diriwayatkan bahawa dua orang sahabat berada dalam perjalanan maka masuk waktu solat, keduanya tidak menemui air, lalu mereka bertayammum dan solat, kemudian mereka menemui air pada ketika itu juga. Salah seorang di antara mereka mengulang solatnya sedang seorang lagi tidak. Maka ketika mereka menceritakannya kepada Rasulullah, ia menyetujui perbuatan kedua orang sahabat itu. Rasulullah SAW berkata kepada orang yang tidak mengulang:

أَصَبْتَ السُّنَّةَ وَأَجْرَ أَتِكَ صَلَاتِكَ، لَكَ الْأَجْرُ مَرَّتَيْنِ

**Maksudnya:** “Engkau menepati sunnah dan solat diterima, dan kepada yang mengulang katanya: Kamu mendapat pahala 2 kali.”

7. Umat Islam telak bersepakat bahawa apa yang bersumber daripada Rasulullah SAW berupa perbuatan, perkataan atau taqirir, disampaikan kepada kita dengan sanad yang sahih adalah menjadi hujah ke atas kaum Muslimin dan sumber *tasyri'* yang para mujtahid beristinbat (mengeluarkan) daripadanya hukum-hukum syarak bagi perbuatan mukallaf. Ia seperti al-Quran dalam hal wajib untuk diikuti, berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ

**Maksudnya:** Dan tidaklah patut bagi lelaki yang beriman dan tidak (pula) bagi perempuan yang beriman, apabila Allah dan rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka.

(Surah al-Ahzab: 36)

8. Sunnah menempati kedudukan setelah al-Quran daripada segi berhujah dan rujukan kepadanya sebagaimana yang diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW, ketika mengutus Muaz Ibn Jabal ke Yaman, katanya kepada Muaz: “*Dengan apakah kamu menghukum?*” Jawab Muaz: “*Aku menghukum dengan kitab Allah, sekiranya aku tidak menjumpai di dalamnya, maka dengan sunnah Rasulullah SAW, sekiranya aku tidak menjumpai juga, aku berijtihad dengan pendapatku.*” Lalu Rasulullah SAW mengakuinya dan berkata: “*Alhamdulillah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah yang menyenangkan Rasulullah.*”
9. Sunnah dari segi hukum-hukum yang dibawa olehnya tidak keluar daripada salah satu yang berikut:
- i. Ia merupakan sunnah yang menguatkan hukum yang ada di dalam al-Quran. Dengan demikian hukum tersebut mempunyai dua dalil iaitu, satu dalil daripada al-Quran dan satu daripada hadis. Di antara hukum-hukum ini termasuklah perintah mengerjakan solat, menunaikan zakat dan puasa Ramadan.
  - ii. Ia merupakan penjelasan terhadap ayat al-Quran yang *mujmal* (umum), membatasi yang mutlak atau mengkhususkan yang umum.
12. Contohnya sunnah sebagai penjelasan bagi yang *mujmal* daripada al-Quran, iaitu penjelasan mengenai fardu solat, puasa, zakat, haji. Oleh itu, sunnah menerangkan dengan terperinci hukum-hukum daripada rukun-rukun ini

12. kerana hukum yang ada di dalam al-Quran bersifat *mujmal*.
13. Contohnya sunnah yang membatasi ayat-ayat al-Quran yang mutlak ialah wasiat di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

دَيْنَ أَوْ بِهَا يُوصِيكَ وَصِيَّةَ بَعْدَ مِنْ

**Maksudnya:** *Sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya.*

(Surah al-Nisa': 12)

14. Ayat ini adalah mutlak dibatasi dengan hadis yang menunjukkan bahawa wasiat tidak boleh lebih daripada 1/3. Oleh itu, wasiat yang dimaksudkan di dalam al-Quran itu adalah wasiat yang dalam batas 1/3 daripada pusaka.
15. Contoh sunnah yang mengkhususkan umumnya al-Quran, iaitu ayat yang mengharamkan bangkai sebagaimana firman-Nya:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمِيتَةُ

**Maksudnya:** *Diharamkan atas kamu bangkai.*

(Surah al-Maidah: 3)

16. Ayat ini adalah umum, maka sunnah datang untuk mengkhususkan yang umum ini dengan membolehkan bangkai laut melalui hadis: "*Laut itu suci airnya, halal bangkainya.*"
  - Ia merupakan sunnah yang membuat hukum yang tidak disebut di dalam al-Quran. Contohnya, haram hukumnya memadukan antara perempuan dengan makciknya daripada ayah dan ibu, haram memakan semua binatang yang mempunyai taring dan burung yang mempunyai kuku pencakar dan haram memakai sutera dan bercincin emas bagi lelaki dan selain daripada hukum-hukum yang disyariatkan melalui sunnah semata-mata.
17. Setiap sunnah yang sahih sama ada *mutawatir*, masyhur atau *khabar ahad* adalah hujah pensyariatkan yang wajib diikuti dan diamalkan dalam mengistinbat dan menetapkannya.

18. Sunnah yang sabit dengan sanad yang daif, maka tidak dipakai dalam menetapkan hukum-hukum menurut ijmak ulama. Mengenai keutamaan-keutamaan amal, ianya boleh dipakai apabila tidak sampai kepada daif yang parah dan bila mana sesuai dengan prinsip-prinsip Islam.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Jadikan Nabi Muhammad SAW sebagai tauladan**, kerana Baginda adalah pemimpin yang menghantarkan kepada kebahagiaan, yang menunjukkan kepada kejayaan dan yang menghantarkan pada keberuntungan dan kejayaan.
- ❖ **Pujangga berkata:** Keringat orang yang bekerja jauh lebih baik daripada minyak kasturi yang menebar dari orang yang hanya duduk tanpa kerja. Suara termengah-mengah orang yang bekerja keras jauh lebih merdu daripada nyanyian orang-orang yang malas. Dan, roti kering yang dimakan oleh orang yang lapar lebih lazat daripada daging domba yang disantap oleh orang yang berfoya-foya.

### Kisah Teladan

Ibn Rejab pernah bercerita tentang seorang *'abid* ketika di Mekah. Dia kehabisan bekalan dan kelaparan hingga tubuhnya tidak berdaya lagi. Ketika sedang berjalan di salah satu lorong di kota Makkah dia mendapat satu kalung yang sangat mahal harganya.

Diambilnya kalung itu dan dimasukkannya ke dalam saku, lalu pergi ke Masjidil Haram. Tiba-tiba ada seorang lelaki yang mengumumkan bahawa dia kehilangan kalung. Orang yang kehilangan kalung itu menjelaskan bagaimana bentuk kalung yang hilang itu. Ternyata semua keterangan yang dia sampaikan sama dengan kalung yang ditemukan orang tersebut. "Saya berikan kalung itu kepadanya namun dengan syarat memberi ganjaran kepada saya", kata orang yang menemukan itu.

Kalung itupun diambilnya, dan pergi begitu sahaja tanpa ucapan terima kasih, atau dengan memberi satu dirham, sepatah kata, ataupun dengan memberi apa

sahaja. “Ya Allah, aku biarkan semua itu untuk-Mu maka gantilah untukku sesuatu yang lebih baik darinya.”

Kemudian dia pergi ke laut, dan menumpang satu perahu. Selepas di laut, tiba-tiba angin bertiup kencang sekali, dan perahu yang ditumpangnya itu pun karam. Akhirnya dia terapung-apung di atas air dengan sebatang kayu yang dimainkan angin ke kiri dan ke kanan hingga akhirnya terdampar di satu pulau, dan dia pun turun ke daratan. Di pulau itu dia mendapati ada satu masjid dan orang-orang yang sedang bersembahyang, kemudian dia pun ikut sembahyang bersama mereka.

Di masjid itu ia menemukan lembaran-lembaran kertas yang selepas dibacanya ternyata ayat-ayat al-Quran. Seorang dari mereka bertanya kepadanya: “Adakah anda sedang membaca al-Quran? Jawabnya: “Ya.”

Kemudian penduduk pulau itu berkata: “Ajarlah anak-anak kami al-Quran.” Dia pun setuju untuk mengajarkan al-Quran kepada mereka dengan upah. Kemudian dia menuliskan tulisan Arab, dan orang itu bertanya lagi: “Adakah anda boleh mengajar anak-anak kami menulis?” Jawabnya: “Ya.” Maka dia pun mengajar anak-anak mereka dengan menerima bayaran.

Penduduk pulau itu kemudian bercerita bahawa di tempat itu ada seorang perempuan yatim, anak seorang yang sangat baik, ibu bapanya sudah wafat. “Adakah anda mahu menikahinya?” Tanya orang-orang itu kemudian. Dia menjawab: “Tidak apa.” Dia pun akhirnya menikahi (berkahwin) dengan perempuan yatim tersebut. Ketika masuk ke biliknya, pada hari pertama, dia melihat kalung yang pernah dia temukan itu melingkar di leher isterinya itu. Maka dia pun bertanya: “Bagaimana kisah tentang kalung ini?” Si isteri itu pun kemudian bercerita:

Dalam cerita itu ada disebutkan bahawa ayahnya suatu masa dahulu pernah menghilangkan kalung tersebut di Mekah. Ayah telah berkata kepadanya: “kalung ini ditemukan oleh seorang lelaki yang kemudian diserahkan begitu sahaja kepadanya. Setelah pulang dari Mekah, si ayah selalu berdoa dalam sujudnya mudah-mudahan Allah menganugerahkan suami buat anak perempuannya seperti lelaki yang menemukan kalung itu. Di akhir ceritanya, si suami menyergah: “Sayalah lelaki itu.”

Sekarang kalung tersebut berada di sisi lelaki itu dengan kedudukan halal, sebab dia sudah meninggalkan sesuatu kerana Allah maka Allah pun menggantinya dengan yang lebih baik. “*Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima kecuali sesuatu yang baik.*”